

Unsur Pemikiran Kreatif Masyarakat Melayu Tradisi Melalui Teks Sastera Tulisan dan Lisan Terpilih

Elements of Creative Thinking of the Malay Society Through Selected Written and Oral Literary Texts

Norazimah Zakaria, Naffi Mat, Hasrina Baharum & Minah Sintian

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim, Perak

e-mail: norazimah@fbk.upsi.edu.my

Abstrak

Pemikiran kreatif ditandai oleh keupayaan melihat sesuatu daripada pelbagai sudut. Masyarakat tradisi telah lama mengamalkan pemikiran kreatif dalam menghadapi kelangsungan hidup. Kehidupan masyarakat tradisi dilatar sumber alam yang banyak mengajar mereka bagaimana untuk hidup dan mengamalkan nilai dan norma berdasarkan pengalaman dan sumber alam yang terdapat di sekeliling mereka. Pemikiran kreatif masyarakat Melayu yang disampaikan melalui tradisi lisan dan tulisan wajar diperluaskan untuk generasi kini bagi membentuk sahsiah dan adab di samping menggalakkan mereka berfikir dengan menggunakan pemikiran kreatif dengan melihat konteks masyarakat yang melahirkan sastera tradisi tersebut. Makalah ini mempunyai dua objektif iaitu pertama mengenal pasti unsur pemikiran kreatif yang terdapat dalam pantang larang, peribahasa dan *Sejarah Melayu*. Objektif kedua ialah menghuraikan peranan unsur pemikiran kreatif terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Makalah ini turut melihat tiga kaedah teknik pemikiran kreatif daripada teknik analogi ataupun kiasan iaitu pertama; analogi alam, kedua analogi peribadi dan ketiga analogi fantasi. Contohnya dalam menggunakan teknik pemikiran kreatif analogi fantasi, yang dapat melihat kreativiti orang Melayu dalam teks *Sejarah Melayu*, telah wujud sebuah episod seorang raja yang bernama Raja Suran turun ke dasar laut dengan menaiki sebuah peti kaca atau disebut pesawat. Sastera Melayu tradisional seperti pantang larang, peribahasa, dan teks *Sejarah Melayu* dilihat mampu membangunkan sahsiah pelajar melalui aspek unsur pemikiran kreatif yang terkandung di dalamnya. Orang Melayu memang terkenal dengan kepakarannya mengungkapkan buah fikiran secara halus dan tersirat. Ketajaman pemerhatian, penghayatan dan seterusnya dapat mengungkap makna meliputi cara hidup terakam dalam lisan maupun tulisan.

Kata kunci pemikiran, kreatif, sastera, tradisi, adab

Abstract

*Creative thinking is marked by the ability to see something from multiple perspectives. The traditional society has long been practising creative thinking in their survival for life. The traditional life of the society, with the sources from nature acting as the background, has taught them how to live and practice values and norms based on their experiences and natural sources that are found around them. The creative thinking of the Malays, which is conveyed via oral and written traditions, should be expanded to the present generation to build their characters and manners, as well as encouraging them to think using creative thinking by looking at the context of the society that produced the literary tradition. This paper has two objectives, where the first is identifying the elements of creative thinking that are found in taboos, proverbs and *Sejarah Melayu*, and the second objective is to elaborate the role of creative thinking in forming student's character. This paper also looks at the three techniques of creative thinking from the analogy technique or figure of speech, where the first one is the analogy of nature, the second is personal analogy and the third is fantasy analogy. For example, the use of fantasy analogy's technique of creative thinking, where the creativity of the Malays in the *Sejarah Melayu* texts can be seen, where there is an episode of a king called Raja Suran, who went to the sea-bed in a glass case or called as a craft. Traditional Malay literatures like taboos, proverbs and *Sejarah Melayu* texts are seen to be able to form the character of students through the elements of creative thinking found in them. The Malays are very well known with their expertise in expressing their thoughts subtly and implicitly. The keenness in observation, the appreciation and later the ability to state the meaning has covered the recorded way of life in either oral or written forms.*

Keywords thinking, creative, literary, tradition, courtesy

PENGENALAN

Menurut Abdullah dan Ainon (1996) pemikiran kreatif ditandai oleh keupayaan melihat sesuatu daripada pelbagai sudut. Gaya ini juga menghasilkan pelbagai cara untuk melakukan sesuatu. Apabila berfikir dengan menggunakan gaya kreatif, matlamat berfikir ialah untuk menghasilkan pelbagai persepsi, konsep, idea, cara menyelesaikan masalah, cara menyelesaikan konflik, reka cipta, strategi dan taktik, prosedur kerja, teori, hipotesis, peraturan, hasil perundingan dan seumpamanya.

Kemahiran berfikir biasanya dianggap sebagai satu kemahiran anugerah Tuhan yang semulajadi. Masyarakat yang mahir berfikir mempunyai pandangan dan pemikiran yang luas dan akan meninjau dengan mendalam sesuatu masalah sebelum mengambil sebarang tindakan. Kemahiran berfikir akan membantu perkembangan sahsiah dan kesejahteraan diri seseorang individu. Keupayaan untuk menilai kesan dan akibat dari kesan sesuatu tindakan, misalnya dapat mengelakkan individu dari melakukan sesuatu di luar batasan dan nilai-nilai budaya dan keagamaan.

Masyarakat tradisi telah lama mengamalkan pemikiran kreatif dalam menghadapi kelangsungan hidup. Kehidupan masyarakat tradisi dilatari sumber alam yang banyak mengajar mereka bagaimana untuk hidup dan mengamalkan nilai dan norma berdasarkan pengalaman dan sumber alam yang terdapat di sekeliling mereka. Adab dan sahsiah anak-anak dibentuk melalui tradisi lisan seperti pepatah, kiasan, pantun dan juga melalui tradisi tulisan seperti teks-teks hikayat. Contohnya, dalam aspek mendidik anak-anak. Pepatah seperti “melentur buluh biarlah dari rebungnya” adalah sebuah pemikiran kreatif berbentuk analogi bersumberkan alam. Maksud pepatah tersebut ialah anak-anak perlu diberi pendedahan ilmu agama, adab dengan orang tua dan sebagainya mestilah sedari kecil lagi seperti sifat rebung yang lembut begitu jugalah dengan sifat anak-anak yang mudah menerima teguran dan didikan daripada kedua orang tua. Tetapi apabila rebung sudah menjadi buluh, seperti sifat buluh itu yang keras dan mudah patah, begitulah dengan anak-anak yang sudah meningkat dewasa, sekiranya ingin ditegur dan diberi pengajaran mungkin sudah tidak mahu didengar dan diendahkan lagi.

Adab dan sahsiah anak-anak diajar melalui nilai dan norma yang melingkungi budaya masyarakat Melayu. Terdapat beberapa pantang larang contohnya, “jangan buang nasi, nanti nasi itu menangis.” Pantang larang ini bersifat analogi peribadi. Nasi diberikan sifat peribadi manusia yang boleh menangis. Pada lazimnya masyarakat sekarang sering memperkotak-katikkan beberapa pantang larang dalam budaya masyarakat Melayu tanpa memikirkan mengapa pantang larang itu wujud dan bagaimana ia diterima dalam masyarakat pada masa itu. Maka pemikiran kreatif amat diperlukan bagi mendapatkan jawapan mengapa pantang larang seperti ini wujud. Pantang larang seperti ini seringkali dituturkan oleh orang tua kepada anak-anak mereka.

Contoh seperti pantang larang di atas yang mana sesuatu benda yang biasa seperti nasi telah diibaratkan seperti sesuatu yang mempunyai ciri-ciri luar biasa. Dengan mengibaratkan “nasi” sebagai sesuatu yang hidup dan mempunyai perasaan, ia lebih menyentuh perasaan kanak-kanak. Apa yang berlaku sebenarnya ialah, ibu bapa tidak mahu anak-anak mereka melakukan pembaziran dan ia juga dapat membentuk nilai dan akhlak anak-anak mereka supaya sentiasa bersyukur dengan setiap rezeki yang diperolehi. Masyarakat dahulu, hidupnya susah. Maka, pembaziran rezeki adalah sesuatu yang perlu dielakkan. Maka pengajaran seperti ini amat berguna dalam mendidik adab dan sahsiah anak-anak supaya lebih menghargai rezeki yang mereka perolehi. Ia bukanlah tafsiran selapis makna yang bermaksud bahawa “nasi” itu akan menangis tetapi ia lebih kepada konsep lapis makna yang kedua iaitu rezeki.

Makalah ini bertitik tolak daripada tiga teknik pemikiran kreatif iaitu analogi ataupun kiasan iaitu pertama; analogi alam, kedua analogi peribadi dan ketiga analogi fantasi (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 1996). Analogi alam membabitkan benda hidup seperti haiwan dan tumbuhan. Ambil mana-mana benda hidup, lihat ciri-cirinya dan kaji bagaimana ia melakukan sesuatu. Kemudian fikirkan kaedah yang sama dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah kita. Analogi peribadi pula mengkehendaki individu membayangkan benda itu adalah diri kita sendiri dan analogi fantasi pula membolehkan individu berfikir secara gila-gila atau di luar kotak pemikiran manusia biasa.

Teknik ini juga boleh digunakan dalam mengkaji pemikiran kreatif masyarakat Melayu berdasarkan teks sastera tradisi. Contohnya dalam menggunakan teknik pemikiran kreatif analogi fantasi, yang dapat melihat kreativiti orang Melayu dalam teks *Sejarah Melayu*, telah wujud sebuah episod

seorang raja yang bernama Raja Suran turun ke dasar laut dengan menaiki sebuah peti kaca (1996:6). Kisah ini diwajarkan oleh pengarang *Sejarah Melayu* iaitu Tun Sri Lanang dalam masyarakat Melayu pada abad ke-16 hingga 19. Dalam konteks ini, kewajaran diberikan kepada unsur fantasi tersebut dengan bertujuan untuk mengangkat kehebatan seseorang raja yang boleh hidup di dasar laut melalui fungsi mitos. Analogi fantasi telah terbukti pada masyarakat kini yang sememangnya manusia boleh hidup di dasar laut dengan menaiki kapal selam. Episod ini telah menggambarkan kepada kita bahawa kreativiti dan pemikiran jauh ke depan atau berpandangan jauh telah lama wujud dalam masyarakat Melayu terutamanya dari segi teknologi. Contoh ini adalah sebagai pemangkin kepada anak-anak dan masyarakat untuk lebih menghargai warisan tradisi kerana terangkum di dalamnya pendidikan, adab dan adat yang wajar dicontohi. Sikap raja yang mempunyai kehendak dan fantasi yang tinggi boleh melahirkan masyarakat yang mereka cipta dan berdaya saing.

Justeru, makalah ini akan dapat mengungkap makna kreativiti dan sahsiah dalam pemikiran masyarakat Melayu melalui pengalaman, nilai dan norma hidup yang melingkungi mereka. Ia sekaligus mencerminkan kepada masyarakat kini bahawa telah ada satu teknik atau kaedah pemikiran kreatif yang digunakan oleh masyarakat dahulu dalam membangunkan nilai sahsiah masyarakat Melayu dan menampilkkan ketrampilan teknologi yang dahulunya mungkin dianggap sebagai mitos tetapi kini ia menjadi tidak mustahil lagi.

RUANG LINGKUP

Untuk memahami tradisi budaya Melayu, maka amat penting diberikan tumpuan tentang sistem nilai anggota-anggota masyarakat Melayu itu. Penyelidikan mendalam tentang nilai dan *world-view* orang-orang Melayu kurang diberi perhatian. Kebanyakan tumpuan yang diberikan terhadap sistem nilai orang-orang Melayu ialah tentang kelemahan mereka dalam berbagai-bagai bidang berbanding dengan kumpulan etnik lain di negara ini. Misalnya, kemunduran mereka dalam bidang ekonomi dan pendidikan selalu dikaitkan dengan nilai-nilai tradisi yang amat kuat mengikat mereka daripada untuk turut mengalami perubahan dan pembangunan. Mereka selalu dikatakan tidak mahu mengubah nilai-nilai tradisi yang menjadi penghalang bagi mereka untuk mengalami perubahan. Antara nilai-nilai tradisi yang mendapat perhatian ialah tentang terlalu percayakan nasib dan rezeki sehingga mereka tidak mahu berusaha dengan lebih kuat. Adakala ikatan kepada adat tradisi tidak mendorongkan mereka untuk bekerja lebih kuat.

Kritik dan komen tentang kemunduran orang-orang Melayu selalu dikaitkan dengan nilai dan *world-view* yang tidak mencabar. Nilai-nilai tradisi mempengaruhi pemikiran mereka dan seterusnya tidak memberikan dorongan kepada mereka supaya berusaha dan mencuba sesuatu yang baharu. Dalam kepesatan orang-orang Melayu mengikuti arus pembangunan, mereka turut mengalami proses urbanisasi dan modenisasi, maka berbagai-bagai masalah sosial pula yang timbul. Berkaitan dengan pembangunan dan masalah sosial yang mereka hadapi, terutama golongan muda, maka persoalan nilai pula yang timbul. Bagi mengurangkan masalah sosial yang berkaitan dengan kejatuhan moral, maka orang-orang Melayu didorongkan untuk mempertahankan nilai-nilai tradisi, misalnya kasih sayang dalam keluarga, kejiranan dan sebagainya. Nilai-nilai tradisi, terutama nilai-nilai yang berlandaskan Islam perlu dipupuk dan diperkuuhkan bagi mengurangkan masalah sosial yang semakin ketara kini.

Nilai boleh difahami sebagai ukuran yang diberikan oleh individu tentang sesuatu atau perlakuan, baik atau buruk, halus atau kasar, tinggi atau rendah, dan cantik atau tidak berdasarkan kepada kelaziman atau kebiasaan dalam sesuatu masyarakat. Anggota masyarakat dapat menyatakan ukuran nilai dalam menentukan sesuatu atau perlakuan berdasarkan kepada pengalaman yang diterimanya melalui proses sosialisasi. Nilai dipupuk secara berpanjangan dalam proses sosialisasi individu dan dalam memupuk nilai itu, masyarakat menyediakan berbagai-bagai saluran, seperti keluarga, rakan sebaya, pendidikan dan kelompok masyarakat. Walau bagaimanapun, nilai-nilai sosial yang dipupuk dalam masyarakat itu mempunyai kepentingan dan keperluan yang berupa secara bersama (Wan Abdul Kadir, 2000: 4). Maka, pemikiran kreatif masyarakat Melayu yang disampaikan melalui tradisi lisan dan tulisan wajar diperluaskan untuk generasi kini bagi membentuk sahsiah dan adab di samping menggalakkan mereka

berfikir dengan menggunakan pemikiran kreatif dengan melihat konteks masyarakat. Ia juga dapat memperbetulkan tanggapan masyarakat kini tentang konsep dan makna dalam sistem sastera tradisi yang bertujuan mendisiplinkan anak-anak khasnya dan masyarakat umumnya.

Contohnya, nilai yang terdapat dalam peribahasa seperti “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang” bukanlah bermakna masyarakat Melayu mundur dan pemalas serta kurang berusaha. Contoh ini di bawah lingkungan analogi alam. Persepsi negatif seperti ini perlu ditangani dengan berhemah demi menjaga warisan Melayu yang tinggi nilainya. Ia perlu dikaitkan dengan kehidupan masyarakat dahulu yang susah serta hidup serba sederhana. Masyarakat Melayu hidup dalam lingkungan beradab dan tidak suka berlebih-lebihan dalam menunjukkan kesenangan dan kemewahan. Dalam hal ini, kita boleh melihat gambaran pemikiran ekonomi masyarakat Melayu dahulu yang hidup dalam kesederhanaan. Walaupun sikap itu dianalogikan kepada sifat binatang seperti “ayam” iaitu perbuatan “kais” ketika mencari makanan. Ia menunjukkan kepada kita betapa tingginya kehalusan budi bicara dan pemikiran masyarakat Melayu dalam menggambarkan kesederhanaan hidup masyarakat Melayu itu sendiri yang kreatif dalam mengungkapkan pemikiran dan bergantung kepada kepandaian masyarakat kini untuk mentafsir dengan menggunakan teknik pemikiran kreatif. Ia perlu dilihat dalam lapisan makna kedua dan baharulah keistimewaan pemikiran masyarakat Melayu dapat ditonjolkan. Jika dilihat dalam lapisan makna pertama sahaja maka keistimewaan Melayu tidak dapat dilihat malah akan dipandang rendah dan remeh.

Orang Melayu dalam memupuk nilai-nilai sosial amat menekankan kepada budi bahasa dan tatussila. Perlakuan yang berlandaskan kepada keperluan ini dianggap dapat memenuhi nilai-nilai yang dikehendaki secara tradisi. Berasaskan kepada nilai-nilai ini mempengaruhi tradisi budaya yang diwarisi. Dalam masyarakat tradisi, budi bahasa itu mempunyai kedudukan penting dalam menentukan kedudukan dan kebaikan seseorang. Budi bahasa itu tidak boleh dijual beli dan daripada perlakuan yang berasaskan kepada budi bahasa itu dapat menerangkan kedudukan dan kebaikan seseorang itu dalam masyarakat. Memandangkan kepada pentingnya persoalan ini, maka ibu bapa sangat menekankan hal ini kepada anak-anak mereka. Pembentukan budi bahasa itu dapat melahirkan individu yang dapat menunjukkan perlakuan yang dipandang tinggi dan dihormati oleh orang ramai (Wan Abdul Kadir, 2000: 104).

Contoh pantang larang “jangan duduk di atas bantal, nanti akan naik bisul di punggung”. Pantang larang ini dilihat daripada analogi peribadi. Ia perlu dilihat melalui nilai adab yang cuba diterapkan oleh masyarakat Melayu kepada anak-anak mereka. Sebenarnya kita dilarang sama sekali untuk duduk di atas bantal kerana bantal ialah tempat kita meletakkan kepala sewaktu tidur. Perbuatan meletakkan punggung pada bantal dianggap tidak elok dan tidak sopan. Hal ini kerana dengan menggunakan punggung kita duduk di merata tempat tidak kira tempat itu kotor atau bersih malah manusia juga mengeluarkan najis menerusi lubang di antara kedua-dua belah punggung. Maka untuk menjaga nilai dan akhlak anak-anak supaya memelihara perilaku seperti kata “meletakkan sesuatu pada tempatnya” iaitu dengan memberi peringatan sekiranya mereka melanggar pantang larang tersebut maka punggung mereka akan ditumbuhki bisul. Perbuatan menakut-nakutkan dengan memberikan bayangan mendapat penyakit sekiranya melanggar pantang larang mestilah amat ditakuti oleh anak-anak. Bisul adalah penyakit yang sukar diubati dan mendatangkan ketidaksesuaian kepada yang terkena penyakit itu. Tindakan orang tua-tua dahulu dilihat berjaya dalam mendidik akhlak anak-anak mereka supaya menjaga adab dengan begitu kreatif dan menarik perhatian sehingga ia masih lagi kekal dalam pemikiran masyarakat Melayu sehingga kini.

Seterusnya pantang larang “orang perempuan jangan menyanyi di dapur, kalau menyanyi di dapur akan dapat suami tua.” Sekiranya difikirkan secara logik perempuan muda tidak akan hendak bersuamikan orang-orang tua. Menerusi pantang larang ini orang perempuan dilarang menyanyi di dapur kerana sewaktu menyanyi boleh terleka. Manusia sukar untuk melakukan dua perkara dalam satu masa dengan sempurna. Jika menyanyi sewaktu menghiris bawang dibimbangi jari terluka. Jika menyanyi sambil memasak makanan ditakuti ada rencah-rencah tertentu yang tidak dimasukkan dalam masakan. Akibatnya makanan yang dimasak tidak sempurna. Kesannya ahli keluarga atau sesiapa yang makan makanan tersebut akan tidak berselera. Pantang larang ini juga boleh dihubungkan dengan pemikiran kreatif analogi peribadi.

Justeru, pantang larang dan peribahasa mempunyai nilai budi bahasa yang baik dan tinggi. Nilai di dalamnya melambangkan wajah bangsa Melayu yang mempunyai jati diri dan nilai akhlak yang baik. Tertanam di dalam pemikiran mereka bahawa kedua-dua nilai ini saling berhubungkait di antara satu sama

lain. Sekiranya masyarakat Melayu melanggar tatasusila adab yang telah tertanam dalam pemikiran masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi maka mereka akan menerima suatu tekanan sosial sama ada dari segi undang-undang, masyarakat dan agama. Dalam agama Islam, sifat budi bahasa yang baik dan lemah lembut adalah kunci kepada semua kebaikan. Menurut Ali-‘Imran yang dipetik dalam Aid bin Abdullah Al-Qarni (2011:910) Maka disebabkan rahmat dari Allahlah kamu menjadi berlaku lemah-lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauh dari sekelilingmu.

PEMIKIRAN KREATIF DALAM TEKS

Sebuah peristiwa dalam *Sejarah Melayu* pada Bab 1 yang bertajuk “Perjalanan Hendak Menakluk Negeri China” merupakan peristiwa yang memperlihatkan bagaimana pengarang menggunakan analogi fantasi kepada sesebuah gambaran jarak, masa dan tempat sehingga menjadikan orang yang mendengar menjadi kagum dan percaya dengan apa yang diperkatakan tanpa ragu. Analogi fantasi ditampilkan dengan bukti bagi meyakinkan pendengar, dan disebabkan tiada siapa pun yang mengetahui di mana kedudukan kerajaan China maka ia menyebabkan mereka percaya dengan apa yang dilihat dan diperkatakan. Ia menggambarkan kepada kita tentang kebijaksanaan pengarang dalam menyelesaikan sesebuah masalah. Dari suatu sudut pandangan yang lain, pengarang terlebih dahulu menggambarkan kehebatan Raja Suran yang amat digeruni kerana telah berjaya menakluk banyak negara. Apabila Raja Suran sampai ke Temasik, negara China dikejutkan dengan berita bahawa Raja Suran bakal menyerang dan menakluki China. Maharaja China amat susah hati dengan berita tersebut kerana Raja Suran merupakan raja yang terkenal kehebatan dan kekuatannya serta hampir mustahil untuk dikalahkan. Perdana Menteri China walau bagaimanapun telah mencadangkan strategi bagi mengelak serangan dari tentera Raja Suran. Contoh:

Maka Perdana Menteri pun menyuruhlah melengkapi sebuah pilau yang terbesar, diisi dengan jarum yang seni, lagi yang karat; maka diambilnya pula pohon kesmak dan pohon segala buah-buahan yang ada buahnya, ditanamnya di atas pilau itu, dan dipilihnya orang yang tua-tua sudah tanggal giginya, disuruhnya naik pilau itu, dipesaninya oleh Perdana Menteri itu dan disuruhnya belsey ke Temasik.

(*Sejarah Melayu*, hlm. 13)

Pengarang menggambarkan Perdana Menteri China seorang yang mempunyai daya intelek yang tinggi apabila strateginya memperdayakan orang Raja Suran berhasil dengan jayanya. Peperangan antara China dan Raja Suran berjaya dielakkan melalui strategi pemikiran analogi fantasi yang amat berkesan. Bagi sebuah negara yang besar dan berpengaruh, China sudah tentunya diterajui pemimpin-pemimpin yang bijaksana dan berwibawa. Perdana Menteri China memperlihatkan pengaruh ideal apabila berjaya mempengaruhi Maharaja China dan pengikut agar mengikut rancangannya demi mengelak perang dengan Raja Suran. Strateginya mendapat kepercayaan Maharaja China sekali gus membawa kepada kejayaan. Apabila tiba di Temasik, orang tua-tua tersebut telah menyatakan kepada utusan Raja Suran bahawa ketika mula belsey dari negeri China mereka masih muda beliau iaitu berusia 12 tahun.

Pokok buah-buahan yang terdapat di dalam pilau itu adalah biji yang ditanam oleh mereka dahulu. Sehinggalah mereka tua dan tertanggal gigi baharu mereka sampai di negeri Temasik. Kemudian orang tua itu mengambil beberapa bilah jarum karat dan menyatakan bahawa besi itu dahulunya sebesar lengan tetapi kini hanya tinggal sekecil itu. Akibat perjalanan yang terlalu jauh, mereka juga lupa berapa tahun yang diambil untuk sampai ke Temasik. Utusan Raja Suran kemudian menyampaikan cerita orang tua-tua yang datang dari China itu. Apabila mendengarnya, Raja Suran membatakan hasrat untuk menyerang China kerana disangkakan negara itu terlalu jauh sekali. Akhirnya negara China terselamat daripada diserang oleh tentera Raja Suran. Contoh:

Maka sahut China itu “tatkala kami keluar dari benua China, sekalian kami-kami ini sedang muda-muda belaka, baharu dua belas tahun umur kami, dan segala buah-buahan ini bijinya kami tanam, kami pun tualah, gigi kami semua pun habis tanggal; segala buah-buahan yang kami tanam itu

berbuahlah, bahanlah kami sampai ke mari". Maka diambilnya jarum ada beberapa bilah itu, ditunjukkan pada keling itu, katanya "besi ini kami bawa ke mari dari benua China seperti lengan besarnya, sekarang inilah tinggalnya habis haus; demikianlah peri lamanya kami di jalan, tiadalah kami tahu akan bilangan tahunnya".

(*Sejarah Melayu*, hlm. 13-14)

Pengarang telah meletakkan watak Perdana Menteri China mempunyai ciri intelek yang tinggi kerana menggunakan segala apa yang ada dan berpotensi iaitu orang tua, jarum karat, dan tumbuhan dalam usaha mengelak peperangan besar yang boleh meragut banyak nyawa. Secara tidak langsung ini memberi motivasi kepada rakyat agar kreatif dalam menyelesaikan sesuatu masalah dan tidak semestinya perlu berperang untuk mendapatkan kedamaian. Bukan sahaja rakyat pada zaman tersebut dapat mengambil iktibar, malah masyarakat zaman ini juga mengagumi kebijaksanaan strategi yang diatur oleh Perdana Menteri China itu. Peristiwa ini merupakan contoh jelas kepada kewibawaan tokoh yang terdapat dalam teks *Sejarah Melayu*. Dalam jangka masa menunggu kedatangan musuh, Perdana Menteri China merangka idea dan perancangan yang lebih baik dan bersifat intelektual. Sekali gus dapat membuka mata masyarakat tentang kebijaksanaan seorang pemimpin yang memberi inspirasi berbeza berbanding kebiasaan.

Episod seterusnya dalam *Sejarah Melayu* adalah kisah kepandaian Tun Perak yang boleh dicontohi oleh generasi kini. Sikap Tun Perak yang tegas menarik minat Sultan Muzaffar Syah untuk melantiknya sebagai bendahara. Apabila menjadi bendahara, sifat kepimpinannya tetap terserlah apabila mempraktikkan strategi ketika berhadapan dengan ancaman Siam. Jika sebelum ini peperangan menjadi pertahanan terakhir sesebuah negara, Bendahara Paduka Raja Tun Perak telah memancarkan sifat-sifat yang diyakini dapat menyelamatkan Melaka daripada serangan Siam iaitu dengan merancang strategi yang kreatif. Ternyata Bendahara Paduka Raja Tun Perak telah mengambil risiko yang besar bersama-sama pengikutnya dalam usaha menghadapi tentangan daripada Siam. Dari sudut intelek, strateginya berkenaan puntung api di sepanjang pantai ternyata kreatif dan berjaya kerana dapat menimbulkan rasa gerun pihak musuh. Ia dilihat dari sudut analogi alam. Peristiwa itu sekaligus membataalkan niat musuh untuk menyerang Melaka. Contoh:

"Setelah hari malam maka Awu Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja, segala pohon bakau, dan nyireh, dan tumu, api-api itu sekaliannya, disuruhnya tambati puntung api; gemerlap rupanya dipandang orang. Setelah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya itu, maka kata hulubalang Siam, "Terlalu amat banyak Melayu itu tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa jadinya kita? Sedang akan sebuah perahunya tadi lagi, tiada terlawan oleh kita." Maka kata Awu Dicu, "Benar seperti kata kamu itu, marilah kita kembali". Maka segala perahu Siam pun kembalilah.

(*Sejarah Melayu*, hlm. 94-95)

Umar Junus (1984), menyatakan bahawa tindakan Bendahara Paduka Raja Tun Perak tidak boleh disamakan dengan Hang Tuah. Hal ini demikian Bendahara Paduka Raja Tun Perak menggunakan rasional atau kekuatan pemikiran untuk menentukan sebab akibat tertentu, sedangkan Hang Tuah hanya mempunyai kepintaran dan kecekapan (*skill*). Peristiwa yang diketengahkan ini membuktikan bahawa Bendahara Paduka Raja Tun Perak merupakan tokoh berwibawa dan memberi inspirasi kepada masyarakat. Seseorang pemimpin bukan sahaja hanya bijak merancang strategi, malah turut memastikan strategi yang dilaksanakan itu adalah relevan dan taktikal.

Justeru, pengarang Melayu tradisi merupakan tokoh yang berwibawa dalam mengangkat teks sastera tradisi melalui teknik penulisan yang kreatif. Unsur mitos dan legenda dimasukkan ke dalam teks bagi memenuhi fungsi teks sastera tradisi sebagai sebuah dokumen budaya dan cermin akal budi bangsa Melayu. Teks sastera sejarah seperti *Sejarah Melayu* merupakan contoh teks yang wajar diteliti bagi melihat ketinggian akal budi pemikiran pengarang tradisi yang telah jauh ke depan dengan berfikir secara kreatif dan kritis.

KESIMPULAN

Islam mengajar pengikutnya supaya sentiasa menjauhkan diri daripada perlakuan yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Dalam perkembangan peraturan sosial, seperti adat tradisi juga menekankan kepada kepentingan moral dan akhlak. Orang-orang Melayu amat menekankan tentang kepentingan bersama, moral dan akhlak (Wan Abdul Kadir, 2000: 36). Justeru perilaku nilai dalam masyarakat Melayu adalah dikawal oleh agama, adat dan adab yang melingkari mereka. Justeru orientasi nilai jati diri dalam pantun Melayu adalah terdiri daripada adat dan Islam sebagai sumber nilai, dan kedua hidup beragama, bermasyarakat dan berkeluarga yang melingungi masyarakat Melayu tradisi dan dibendungi oleh sistem konvensional yang menuntut masyarakat tradisi patuh kepada norma-norma yang baik dalam masyarakat.

Maka kepatuhan kepada nilai yang ada dalam tradisi menjadikan nilai jati diri masyarakat Melayu masih utuh sehingga kini terutamanya dalam mendidik anak-anak kecil sehingga remaja. Contoh pantang larang dan peribahasa yang dibincangkan adalah merangkumi pendidikan awal yang diterima oleh anak-anak dan kesemuanya menerapkan nilai akhlak yang baik. Maka, nilai yang baik yang terkandung di dalam pantang larang dan peribahasa Melayu boleh menjadikan masyarakat Melayu berbudi pekerti dan mempunyai jati diri yang kukuh merentasi masa, benua dan zaman. Melalui teks sastera sejarah seperti *Sejarah Melayu* pula, ia memperlihatkan unsur pemikiran kreatif pengarang di dalam mengangkat golongan raja dan pembesar Melayu yang dilihat mempunyai daya intelek yang tinggi. Pengarang memainkan peranan yang besar dalam menyurat teks *Sejarah Melayu* kerana terkandung di dalamnya unsur pemikiran kreatif yang hanya boleh dilihat melalui tafsiran makna lapis kedua.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (1996). *Seni berfikir kreatif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Abd Rahman Kaeh. (1997). *Syair madhi citra Melayu nusantara*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abd Rahman Abdullah. (1981). *Sejarah dan pemikiran Islam*. Damansara Utama: Pena Sdn Bhd.
- Afzalur Rahman. (1993). *Ensiklopedia sirah: Peranan wanita Islam (Jilid V)*. Zaleha Ahmad (Peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Ahmad. (2002). Takdir di dalam kesusasteraan Melayu lama dan baru dalam *Tradisi dan Moderniti*. Lalita Sinha (peny). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Al-Haj Maulana Fazlul Karim. (1987). *Jihad dan pengertiannya*. Amat Juhari Moain (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andek Masnah Andek Kelawa. (1999). *Kepimpinan wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam syariah*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Wahid. (2013). *Kritikan intelektualisme sastera Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Dharmawijaya. (1937). *Dunia puisi dalam penelitian dan pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Faisal Othman. (1993). *Kedudukan dan peranan wanita dalam Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh & Jamilah Hajji Ahmad. (2000). *Kesusasteraan Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang, Othman Puteh, Ramli Isin & Sahlan Mohd Saman. (1990). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Mana Sikana. (2009). *Kritikan sastera Melayu moden*. Kuala Lumpur: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2012). *Teori sastera kontemporari edisi VII*. Kuala Lumpur: Pustaka Karya.
- Mohd Yusof Md Nor. (1986). *Syair sinyor kosta: Satu kajian teks*. Kuala Lumpur: Teks Publishing.
- Norazimah Zakaria. (2014). Peranan wanita tradisi dalam syair pilihan dalam *Teori Takmilah: Perluasan dan Penafsiran*. Abdul Halim Ali (peny). Budiman.
- Norazimah Zakaria & Naffi Mat. (2013). Kuasa penyair wanita dan tema tentang wanita: Dahulu dan sekarang dalam *Prosiding Sastera dan Kekuasaan, Himpunan Ilmuan Sastera Melayu Malaysia Kedua*, 4-5 Oktober 2013 UPSI. Budiman Malaysia.
- Norazimah Zakaria. (2005). Sejarah Melayu: Sebuah genre sintesis yang baik bagi memenuhi tuntutan moral Islam dan aspek pengawalan politik. *Jurnal Pengajian Melayu (Jilid 16)*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.

- Norazimah Zakaria. (2013). *Hikayat Melayu @ Sejarah Melayu Long version versi Tengku Said: Satu kajian teks sastera sejarah*. *Jurnal Melayu*. Bangi, UKM.
- Norazimah Zakaria. (2016). *Kanon Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hayati Haji Alwi. (2002). *Pembentukan model pembangunan insan kamil dalam pengajian sains*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Siti Hawa Salleh. (1997). *Kesusasteraan Melayu abad kesembilan belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sejarah Melayu*. (1996). A.Samad Ahmad (Peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taine, H. (1875). *Lectures on art*. New York: Ams Press.
- Umar Junus. (1984). *Sejarah Melayu menemukan diri kembali*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd
- Umar Junus. (1996). *Teori moden sastera dan permasalahan sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir. (2000). *Tradisi dan perubahan norma dan nilai di kalangan orang-orang Melayu*. Masfami Enterprise.
- Wolff, Janet. (1981). *The social production of art*. London: The Maxmillan Press Ltd.